

KERTAS PENYELIDIKAN

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

MAYAT TIDAK DIJUMPAI:

SEJAUH MANA MAHKAMAH BOLEH MENSABITKAN TERTUDUH

NAZUHA MOHD JAI

PROGRAM KEHAKIMAN

MAYAT TIDAK DIJUMPAI:

SEJAUH MANA MAHKAMAH BOLEH MENSABITKAN TERTUDUH

Abstrak

*Kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana atau apakah pendekatan yang diguna pakai oleh mahkamah di Malaysia khususnya dan mahkamah dari Negara lain amnya dalam membuat keputusan bagi kes-kes yang melibatkan kematian yang mayat mangsa tidak dijumpai tetapi tertuduh masih boleh disabitkan melakukan jenayah pembunuhan tersebut. Secara amnya, bagi setiap kes pembunuhan akan disahkan kematian mangsa apabila mayat mangsa dijumpai. Namun begitu, terdapat juga beberapa kes di Malaysia khususnya jelas menunjukkan bahawa mahkamah mensabitkan tertuduh dengan jenayah membunuh yang membawa kepada hukuman mandatori gantung sampai mati. Terkini yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan ialah di dalam kes *Pathmanabhan Nalliannan v PP & Other Appeals* [2017] 4 CLJ 137 atau lebih dikenali sebagai “Kes Sosilawati”. Namun begitu, sebelum daripada kes ini, mahkamah terdahulu telah menjatuhkan hukuman yang sama kepada tertuduh di dalam kes yang termasyhur ataupun dikenali sebagai “landmark case” di dalam kes *Sunny Ang v PP*.*

Kata kunci: sabitan, bunuh, kematian mangsa, mayat tidak dijumpai.

1.0 Pengenalan

Adakah anda pernah mendengar frasa tiada mayat, tiada pembunuhan (*No Body, No Murder*)? Frasa ini merupakan satu prinsip yang ditetapkan rentetan daripada

kes *Campden Wonder*¹ pada tahun 1660 iaitu seorang lelaki berusia 70 tahun yang dikenali sebagai William Harrison telah hilang tanpa jejak di bandar Chiping Campden di Gloucestershire. Selepas satu siasatan dilakukan, tiga individu iaitu John Perry serta abangnya, Robert dan ibunya, Joan dijatuhkan hukuman gantung kerana kesalahan membunuh Harrison pada 1661. Dua tahun berikutnya, Harrison muncul semula dan memberitahu dia telah diculik dan dijual sebagai hamba di Turki. Kes seumpama itu berpotensi menimbulkan situasi salah laksana keadilan. Berikutan itu, prinsip tiada pendakwaan ke atas pembunuhan tanpa mayat sebagai bukti dilaksanakan sehingga abad ke-20.

Namun begitu, pada zaman moden ini, prinsip tersebut tidak lagi terpakai. Kematian boleh dianggap sebagai berlaku sekiranya kehilangan seseorang tanpa jejak menimbulkan keadaan yang mencurigakan. Akan tetapi, tanpa mayat, bagaimana hendak membuktikan pelaku jenayah bersalah dalam sesuatu kes pembunuhan? Hal tersebut adalah di antara cabaran dan kesukaran yang dihadapi oleh pihak pendakwaan dalam membuktikan kesalahan jenayah apabila mayat mangsa tidak ditemui.

Dalam kes sebegini, hampir mustahil untuk membuktikan pelaku jenayah itu. Namun, perkembangan dalam bidang sains forensik pada akhir abad ke-20 menunjukkan kesalahan membunuh boleh disabitkan walaupun mayat tidak ditemui. Meskipun kes-kes pembunuhan biasanya dilakukan secara terancang sehingga mayat mangsa berjaya dilupuskan, namun, perlu diingat bahawa setiap perlakuan jenayah pasti meninggalkan bukti sama ada dalam bentuk yang jelas atau sebaliknya. Jika mayat mangsa tidak ditemui sekali pun, bahan bukti lain boleh

¹ NMR Reference Number: CC72/00939

menentukan pelaku jenayah disabit dengan kesalahan atau sebaliknya. Hal ini kerana perkaitan antara pelaku jenayah dengan mangsa atau kejadian jenayah boleh dianalisis melalui hubungan persekitaran tempat jenayah.

Mahkamah boleh mensabitkan seseorang tertuduh berdasarkan pembuktian berdasarkan keterangan bersandarkan keadaan. Dengan gabungan pelbagai jenis bukti forensik, ia dapat membantu pihak pendakwaan ke atas penjenayah di mahkamah. Walaupun kes seumpama itu agak jarang berlaku, namun, bukanlah sesuatu yang luar biasa memandangkan sudah terdapat beberapa kes pembunuhan tanpa mayat ditemukan dalam sejarah perbicaraan mahkamah.

Kes pembunuhan ngeri jutawan kosmetik², Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga rakannya di sebuah ladang di Banting, Selangor kira-kira tujuh tahun yang lalu merupakan salah satu contoh tertuduh disabitkan dengan kesalahan membunuh, meskipun mayat mangsa telah dilupuskan. Ketiga-tiga tertuduh didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan membunuh berdasarkan keterangan langsung ahli keluarga mangsa, rakan dan bekas pembantu ladang yang digabungkan bersama rekod panggilan terperinci dan hasil ujian asid deoksiribonukleik (DNA), menguatkan bukti bahawa keempat-empat mangsa berada di lokasi kejadian.

Selain itu, kes pemandu Grand Prix Singapura, Sunny Ang³ pada tahun 1965 mempunyai ciri-ciri yang sama. Dalam kes itu, mayat mangsa, Jenny Cheok juga tidak ditemui, namun Ang yang merupakan teman lelaki mangsa didapati bersalah. Dalam kes pembunuhan Sosilawati, mangsa bersama tiga rakannya telah pergi ke ladang dan tidak pulang, sementara itu dalam kes Sunny Ang pula, mangsa telah

² PP V. Pathmanabhan Nalliannen & Ors [2013] 5 CLJ 1025

³ [1966] 2 MLJ 195.

pergi ke laut bersama tertuduh dan tidak pulang. Berbeza dengan kes Sosilawati yang mempunyai banyak keterangan berserta bukti kesan darah mangsa serta barangan peribadi mereka yang ditemui, dalam kes Sunny Ang, mayat mangsa lenyap sepenuhnya tanpa apa-apa kesan. Bagaimanapun, Sunny Ang disabitkan dengan kesalahan membunuh teman wanitanya semasa mereka menyelam skuba di perairan Pulau Dua di Singapura pada tahun 1963 berdasarkan keterangan bersandarkan keadaan. Pada masa itu, Singapura sebahagian daripada Malaysia sebelum pemisahan pada tahun 1965. Walaupun mayat si mati tidak dijumpai, namun terdapat keterangan bersandarkan keadaan yang menunjukkan kesalahan Sunny Ang termasuk motif pembunuhan dilakukan terhadap teman wanitanya. Mengikut keterangan di dalam kes tersebut, Sunny Ang telah mengambil polisi insuran berganda sebelum kematian si mati yang menunjukkan wujud motif kepada pembunuhan tersebut.

2.0 Apakah yang dimaksudkan dengan keterangan bersandarkan keadaan?

Keterangan bersandarkan keadaan adalah suatu keterangan yang bergantung kepada inferen dalam menghubungkan sesuatu keterangan itu kepada kesimpulan sesuatu fakta. Kes-kes keterangan bersandarkan keadaan ialah kes yang tidak terdapat mana-mana saksi yang menganggap kewujudan fakta dalam isu. Ia adalah keterangan tentang fakta asas yang dikemukakan kepada mahkamah.⁴ Mahkamah akan diminta untuk membuat anggapan tentang kewujudan fakta selanjutnya.⁵ Fakta selanjutnya boleh merupakan fakta sama ada tertuduh bersalah atau sebaliknya

⁴ Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm 44.

⁵ John A. Andrews & Michael Hirst, *Criminal Evidence*, Waterlow Publishers, London, 1987, hlm 84.

ataupun fakta yang mungkin akan menyokong kesimpulan bahawa tertuduh bersalah atau sebaliknya.⁶

Secara amnya, seksyen-seksyen kerelevanan seperti seksyen 6, 7, 8, 9 dan 10 Akta Keterangan 1950 ialah seksyen-seksyen yang memperuntukkan tentang keterangan bersandarkan keadaan. Sehubungan itu, ini bermakna sekiranya pihak pendakwaan ingin membentuk kes mereka berdasarkan kepada keterangan bersandarkan keadaan, pembuktian boleh dibuat dengan mengemukakan keterangan yang relevan di bawah seksyen-seksyen di atas.

Keterangan bersandarkan keadaan hendaklah dibezakan dengan keterangan langsung. Hal ini kerana dalam kes-kes keterangan langsung, keterangan diberikan secara lisan berkenaan dengan fakta dalam isu iaitu saksi menyatakan apa yang berada dalam pengetahuannya sendiri. Manakala keterangan bersandarkan keadaan ialah keterangan tentang fakta-fakta yang relevan, iaitu fakta-fakta dari mana fakta dalam isu boleh disimpulkan sebagai telah berlaku.⁷

Sebagai satu contoh, penemuan kesan cap jari di tempat kejadian jenayah boleh dikira sebagai keterangan bersandarkan keadaan yang boleh dibuat kesimpulan bahawa seseorang itu terlibat dalam perlakuan jenayah tersebut.

Dalam kes *Martin v Osborne*,⁸ mahkamah menyatakan:

“If an issue is to be proved by circumstantial evidence, facts subsidiary to or connected with the main fact must be established from which the conclusion follows as a rational inference. In inculcation of an accused person the

⁶ *Ibid.*

⁷ Peter Murphy, *Blackstone's Criminal Practice*, Blackstone Press Limited 1991, hlm 1674-1675.

⁸ (1936) C.A.R. 114.

evidentiary circumstances must bear no other reasonable explanation. This means that, according to the common course of human affairs, the degree of probability that the occurrence of the facts to be proved is so high that the contrary cannot reasonably be supposed. The circumstances which may be taken into account in the process of reasoning include all facts and matters which form constituent parts or ingredients of the transaction itself or explain or make intelligible the course of conduct pursued.”

Namun begitu, perlu diambil perhatian bahawa keterangan bersandarkan keadaan hanya boleh menjadi asas untuk mensabitkan seseorang tertuduh jika keterangan yang dikemukakan adalah selari dengan kesimpulan bahawa tertuduh adalah bersalah.⁹ Apabila mahkamah berhadapan dengan kes-kes keterangan bersandarkan keadaan, mahkamah perlu menentukan sama ada sesuatu fakta itu telah dibuktikan atau sebaliknya. Setelah mahkamah berpuas hati bahawa fakta-fakta tersebut telah dibuktikan, mahkamah harus menanyakan satu soalan iaitu adakah ia selari dengan anggapan bahawa tertuduh adalah bersalah dengan kesalahan yang dipertuduhkan?¹⁰

Sehubungan itu, adalah jelas bahawa keterangan bersandarkan keadaan adalah berkenaan dengan satu anggapan yang boleh dibuat terhadap tertuduh bahawa tertuduh telah melakukan perbuatan yang dituduh.¹¹ Dalam kes *Lejzor Teper v R*,¹² Dewan Pertuanan telah memutuskan bahawa sebelum sesuatu kesimpulan boleh dibuat bahawa tertuduh bersalah berdasarkan kepada keterangan bersandarkan

⁹ Sudipto Sarkar & VR Manohar, *Sarkar on Evidence*, Volume 2, 14th Edition, India, 1993, hlm 686.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm 46.

¹² [1952] AC 480.

keadaan, mahkamah hendaklah memastikan tidak wujud keadaan-keadaan yang boleh melemahkan atau memusnahkan kesimpulan tersebut.

Seterusnya dalam kes *Public Prosecutor v Sarjit Kaur a/p Najjar Singh*,¹³ mahkamah menyatakan bahawa keterangan bersandarkan keadaan ialah keterangan keadaan-keadaan yang berkait dengan sesuatu kejadian atau kesalahan yang mana fakta dalam isu boleh disimpulkan sebagai telah berlaku. Menurut mahkamah lagi, antara contoh keterangan bersandarkan keadaan ialah motif, persediaan, kesan cap jari, memiliki barang curi dan anggapan fakta. Oleh itu, dengan kata lain, sekiranya pihak pendakwaan boleh membawa masuk keterangan yang menunjukkan persediaan yang telah dilakukan untuk melaksanakan perbuatan yang dipertuduh dan keterangan lain yang relevan, maka tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduh. Mahkamah juga berpendapat bahawa keterangan bersandarkan keadaan adakalanya boleh menjadi lebih kuat daripada keterangan langsung yang tidak seperti keterangan lisan yang mungkin tidak benar dan kurang tepat. Menurut mahkamah lagi, dalam kes-kes seperti ini adakalanya motif sesuatu perbuatan akan kelihatan dengan lebih jelas.¹⁴

Contoh bagi kes keterangan bersandarkan keadaan boleh dilihat dengan lebih jelas di dalam kes *Sunny Ang v Public Prosecutor*¹⁵. Dalam kes ini, tertuduh telah dituduh dengan kesalahan membunuh teman wanitanya bernama Jenny. Kes pihak pendakwaan adalah sepenuhnya bergantung pada keterangan bersandarkan keadaan. Salah satu daripada keterangan yang dikemukakan ialah tertuduh merupakan seorang yang mufliis, manakala Jenny mempunyai beberapa polisi

¹³ [1998] 1 MLJ 184.

¹⁴ Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm 47.

¹⁵ [1966] 2 MLJ 195.

insurans nyawa dan ibu tertuduh adalah benefisiari kepada polisi itu. Fakta juga dikemukakan bahawa tertuduh telah memperbaharui salah satu daripada polisi insurans yang telah luput sehari sebelum kejadian. Walau bagaimanapun, tertuduh tidak memperbaharui polisinya yang juga telah tamat pada masa yang sama. Tertuduh juga telah menemani Jenny ke pejabat peguam bagi membuat wasiat yang menamakan ibu tertuduh sebagai benefisiari tunggal harta Jenny. Fakta-fakta relevan ini jelas menunjukkan bahawa tertuduh telah membuat persediaan dan juga boleh menunjukkan motif tertuduh untuk melakukan perbuatan tersebut.¹⁶

Keterangan juga dikemukakan bahawa tertuduh telah membawa Jenny untuk menyelam di Pulau Dua, iaitu di satu kawasan berbahaya. Apabila Jenny tidak timbul dari laut, keterangan menunjukkan tertuduh tidak berbuat apa-apa. Fakta-fakta ini menunjukkan persediaan tertuduh untuk melakukan perbuatan yang dipertuduh. Keterangan juga menunjukkan bahawa tertuduh telah membuat tuntutan insurans nyawa kepada tiga buah syarikat insurans dalam masa 24 jam selepas Jenny hilang.¹⁷ Kasut menyelam Jenny yang dijumpai kemudiannya telah didapati dipotong. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan, mahkamah telah membuat satu kesimpulan bahawa keterangan yang ada mencukupi untuk mensabitkan tertuduh dengan kesalahan membunuh.¹⁸

¹⁶ Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm 47.

¹⁷ Relevan untuk menunjukkan perbuatan terkemudian tertuduh.

¹⁸ Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm 47-48.

3.0 Adakah pembunuhan boleh dibuktikan tanpa mayat ditemui – Dapatan kes dari negara-negara lain

Secara amnya, kes jenayah adalah berdasarkan keterangan dan bukti yang boleh diterima dalam undang-undang. Sehubungan itu, saksi diperlukan sama ada secara keterangan langsung atau melalui keterangan bersandarkan keadaan. Objektif proses undang-undang jenayah adalah untuk mengetahui kebenaran dan tidak melindungi orang yang dituduh akibat dari kesan perlakuannya.

Pembunuhan selalunya berlaku dalam keadaan tertutup dan penuh kerahsiaan. Pembunuh yang melakukan pembunuhan secara rahsia tidak akan menyimpan apa-apa keterangan untuk pegawai penyiasat datang, mengumpul dan mengemukakan di hadapan mahkamah sebagai keterangan. Pembunuh yang melakukan pembunuhan sememangnya berhati-hati untuk menghapuskan dan memusnahkan keterangan. Dalam kes sedemikian, amat sukar bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan kesalahan tertuduh. Bagaimanapun, pendakwaan boleh mewujudkan keadaan lain yang selaras dengan hipotesis bersalah tertuduh.¹⁹

Di India, untuk mensabitkan tertuduh dalam sesuatu kes pembunuhan, tidak memerlukan mayat mangsa ditemui. Alok Kumar Verma merupakan Pegawai Kehormat, Mahkamah Buruh, Haridwar yang sentiasa mengendalikan kes berkaitan dengan *corpus delicti*.²⁰ Dalam kes *Mani Kumar Thapa v State of Sikkim*²¹, Mahkamah Agung Hon'ble membuat keputusan bahawa:

“in a trial of murder, it is neither an absolute necessity nor an essential

¹⁹ Fair Trial and Corpus Delicti, Alok Kumar Verma, Uttarakhand Judicial & Legal Review, hlm 43.

²⁰ *Corpus delicti* (Latin: "body of the crime"; plural: *corpora delicti*) is a term from [Western jurisprudence](#) referring to the principle that a crime must be proved to have occurred before a person can be convicted of committing that crime.

²¹ AIR 2002 page 2920

ingredient to establish corpus delicti. The fact of the death of the deceased must be established like any other fact. Corpus delicti in some cases may not be possible to be traced or recovered. There are a number of possibilities where a dead body could be disposed of without any trace, therefore, if the recovery of the dead body is to be held to be mandatory to convict an accused, in many a case, the accused would manage to see that the dead body is destroyed to such an extent which would afford the accused complete immunity from being held guilty or from being punished. What is, therefore, required in law to base a conviction for an offence of murder is that there should be reliable and plausible evidence that the offence of murder like any other factum of death was committed and it must be proved by direct or circumstantial evidence albeit the dead body may not be traced. Therefore, in a murder case, it is not necessary that the dead body of the victim should be found and identified, i.e. conviction for offence of murder does not necessarily depend upon corpus delicti being found. The corpus delicti in a murder case has two components death as result, and criminal agency of another as the means.”

Keputusan Mahkamah Agung Hon'ble di atas turut diikuti dalam kes terkemudiannya iaitu *Prithipal Singh etc. Versus State of Punjab and another*²² yang membuat keputusan seperti berikut:

“Where there is a direct proof of one, the other may be established by circumstantial evidence.”

²² 2012 (1) C.C.S.C.186.

Seterusnya di dalam kes *Rama Nandand Ors v State of Himachal Pradesh*²³, mahkamah telah membuat suatu rumusan tentang kedudukan undang-undang bagi isu penemuan *corpus delicti* seperti berikut:

“In other words, we would take it that the corpus delicti, i.e., the deadbody of the victim was not found in this case. But even on that assumption, the question remains whether the other circumstances established on record were sufficient to lead to the conclusion that within all human probability, she had been murdered by Rama Nand appellant? It is true that one of the essential ingredients of the offence of culpable homicide required to be proved by the prosecution is that the accused caused the death” of the person alleged to have been killed. This means that before seeking to prove that the accused is the perpetrator of the murder, it must be established that homicidal Sessions Case No. 31/14 Page no. 13 of 55 death has been caused. Ordinarily, the recovery of the deadbody of the victim or a vital part of it, bearing marks of violence, is sufficient proof of homicidal death of the victim.”

Tidak dinafikan juga pada suatu ketika dahulu dalam undang-undang Inggeris lama, penemuan mayat mangsa merupakan elemen terpenting bagi mahkamah untuk mensabitkan tertuduh melakukan kesalahan. Sir Mathew Hale dalam satu kes menegaskan bahawa beliau tidak akan mensabitkan tertuduh dengan kesalahan membunuh melainkan terdapat fakta yang boleh disahkan ataupun mayat ditemui. Namun begitu, didapati perkara ini hanya hukum amaran dan bukanlah hukum undang-undang. Namun begitu terdapat juga keadaan di mana untuk menjatuhkan hukuman membunuh, terdapat keperluan untuk memenuhi hukum amaran menjadi

²³ (1981) 1 SCC 511

sangat besar impaknya. Penemuan mayat mangsa yang menunjukkan bukti fizikal keganasan bukanlah satu-satunya cara untuk membuktikan pembunuhan. Hal ini adalah kerana terdapat banyak kes yang penemuan mayat adalah mustahil. Sehubungan itu, pematuhan atau pemakaian doktrin lama ini sebenarnya akan membuka peluang yang luas kepada penjenayah terutamanya jenayah pembunuhan untuk melarikan diri tanpa ada rasa tanggungjawab kerana mereka ini dilihat sangat licik dan pandai untuk memusnahkan mayat mangsa. Oleh itu mahkamah di India membuat ketetapan bahawa dalam konteks undang-undang di India, pengucapan daripada Sir Hale perlu ditafsirkan tidak lebih daripada menekankan bahawa apabila mayat mangsa tidak ditemui, bukti-bukti lain yang boleh menyokong mengenai kematian mangsa hendaklah dikemukakan oleh pendakwa.

Oleh itu, perkara ini bolehlah dikaitkan dengan peruntukan Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 iaitu suatu fakta dikatakan “dibuktikan” (*proved*), jika mahkamah mempertimbangkan perkara-perkara yang terdahulu, menganggap kewujudannya berkemungkinan bahawa seseorang yang berhemah harus, di bawah keadaan kes tertentu, bertindak apabila difikirkan bahawa ia wujud. Oleh itu, *corpus delicti* atau fakta kematian pembunuhan dapat dibuktikan dengan menceritakan dan menimbulkan keadaan yang pasti membawa kepada kesimpulan bahawa dalam semua kemungkinan manusia, mangsa telah dibunuh oleh tertuduh yang bersangkutan.

Selain India, Mahkamah Agung Tasmania, Australia dilihat mengambil pendekatan yang sama dalam mensabitkan tertuduh atas jenayah yang dilakukan dengan bergantung sepenuhnya pada keterangan bersandarkan keadaan. Dalam kes *Neill-*

Fraser v Tasmania,²⁴ tertuduh (Sue Neill-Fraser) telah dibicarakan dan disabitkan dengan pembunuhan suaminya, Bob Chappell (mangsa) di atas sebuah kapal layar milik mereka. Namun begitu, mayat mangsa tidak pernah ditemui termasuk juga senjata pembunuhan, tiada saksi di tempat kejadian dan tidak ada bukti forensik yang mengaitkan tertuduh dengan pembunuhan tersebut. Ketua Hakim Crawford dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

“proof of the appellant's guilt depended entirely on circumstantial evidence of which there was a great amount. It was a circumstantial case made up of an accumulation of detail. The same comments as were made by the Director about Mr Triffett's evidence can be made about any of the other more significant details which went to make up the Crown's circumstantial case. I do not think it can be said that Mr Triffett's evidence (or indeed any other item of circumstantial evidence) was, of itself, particularly influential or significant. It must be put alongside all of the other evidence, and regard had to the way in which emerged and to the fact that the appellant was not cross-examined about it. Additionally, a significant attack was mounted on Mr Triffett's credibility.”

Merujuk kes *Katherine RUTAN a/k/a Katherine Pollard, Appellant v. STATE of Oklahoma, Appellee*,²⁵ Mahkamah Rayuan Oklahoma telah memutuskan bahawa tertuduh disabitkan dengan kesalahan membunuh mangsa (anaknyanya) dan dihukum mati tanpa parol. Dalam kes ini, Logan Tucker yang baru berusia enam tahun telah hilang pada bulan Jun 2002. Ibunya, tertuduh dalam kes ini memberitahu pelbagai cerita kepada jiran, saudara mara dan penguat kuasa undang-undang. Berdasarkan

²⁴ [2012] TASCRA 2

²⁵ No. F-2007-1022. Court of Criminal Appeals of Oklahoma.

keterangan bersandarkan keadaan berserta dengan tingkah laku tertuduh yang mencurigakan, juri telah sependapat untuk mensabitkan tertuduh dengan perlakuan jenayah membunuh anaknya walaupun mayat mangsa tidak ditemui.²⁶

Secara amnya, untuk mensabitkan tertuduh dengan jenayah pembunuhan, mahkamah tidak memerlukan mayat untuk ditemui. Prinsip ini telah diterima pakai seawal tahun 1705 lagi. Hal ini merujuk keputusan berikut:

“By the ‘corpus delicti’, subject of the crime, is not meant that the subject of the crime must be so extant as to fall under the senses; but that the loss sustained is felt and known. As for example: in the crime of murder, though the body cannot be reached, yet particular loss is known.” Captain Green’s Trial, 14 How. St. Tr. 1199 (Scot. Adm. 1705).”

Mahkamah Persekutuan Amerika Syarikat juga menolak prinsip tentang keperluan untuk mayat ditemui dalam sabitan kes pembunuhan seawal tahun 1834 lagi. Di dalam kes *United States v Gilbert*,²⁷ mahkamah menyatakan seperti berikut

—

“A more complete encouragement and protection for the worst offenses of this sort could not be invented than a rule of this strictness.”

Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di atas, pendakwaan terhadap kes-kes mayat yang tidak ditemui diteruskan berdasarkan rasional daripada keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa tertuduh tidak boleh dibiarkan bebas walaupun pelaku berupaya untuk melupuskan mayat mangsa.

²⁶ Chris L. Ross, District Attorney, 22nd District, State of Oklahoma, Legal and Investigative Strategies for a “No Body” Homicide,

²⁷ 25 Fed. Cas. 1287 (1834)

Dalam kes *Nettie Brown v State*²⁸ iaitu antara kes terawal di Oklahoma yang jelas menunjukkan bahawa mahkamah mensabitkan tertuduh dengan jenayah yang dilakukan walaupun mayat tidak ditemui. Mahkamah dalam kes ini memutuskan seperti yang berikut:

“Even under the strictest rule of common law requiring identification of the body of the deceased, this was never necessary where the deceased had been killed by being burned to death. We are not willing to establish the doctrine in Oklahoma that there can be no conviction for murder in any case unless the body of the deceased is recognized and identified by direct and positive evidence. Such a rule would make murder safe and would place a premium upon the most vile and brutal kind of assassination. All the murderer would have to do to escape punishment would be to so mutilate and disfigure the body as to make identification and recognition impossible. Whatever the rule in other states may be, this Court will never consent to the establishment of a doctrine in Oklahoma which would result in such monstrous consequences.”

Disamping itu juga, menurut Thomas A. DiBiase,²⁹ beliau menjelaskan bahawa dalam kes pembunuhan yang mayat tidak ditemui, tiga elemen pembuktian penting diperlukan iaitu:

- i) Keterangan forensik seperti darah atau rambut, kesan cap jari;
- ii) Pengakuan tertuduh kepada keluarga atau rakan-rakan; dan

²⁸ 132 P.359 (Okla. Crim. App. 1913)

²⁹ Bekas Pendakwa Raya Pembunuhan di Washington D.C

- iii) Pengakuan kepada polis.

DiBiase juga menyatakan bahawa pengakuan biasanya dikategorikan sebagai keterangan yang terbaik sekiranya ia disokong sama ada dengan keterangan saksi atau bukti fizikal. Terdapat beberapa kes terawal yang diputuskan oleh mahkamah dengan mengambil kira elemen yang disebutkan di atas seperti dalam kes *Roger Harper* di Abilene, Texas Amerika Syarikat.

4.0 Kesimpulan

Secara tuntasnya, dapat dilihat bahawa sekiranya mayat tidak dijumpai dalam sesuatu kes pembunuhan, adalah sesuatu yang sukar bagi pihak pendakwaan untuk mensabitkan tertuduh. Prinsip ini lahir daripada *corpus delicti*. Namun begitu, sekiranya prinsip *corpus delicti* ini dibiarkan tanpa ada penambahbaikan terhadapnya, ia dilihat mampu merosakkan masyarakat kerana masyarakat bebas melakukan jenayah tanpa rasa takut dipertuduh lalu disabitkan dengan sesuatu kesalahan jenayah. Penjenayah juga akan mengambil jalan mudah dengan cara menghapuskan atau melupuskan mayat dalam sesuatu kes pembunuhan untuk menutup perlakuan jenayah. Tetapi perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa walaupun mayat tidak ditemui, mahkamah masih boleh mensabitkan tertuduh berdasarkan keterangan bersandarkan keadaan termasuk tingkah laku si pelaku itu sendiri turut diambil kira. Namun, seperti yang diketahui, apabila menyentuh tentang keterangan bersandarkan keadaan, pihak pendakwaan hendaklah memastikan setiap satu keterangan tersebut mampu membentuk satu rangkaian yang sempurna untuk mewujudkan kes terhadap tertuduh lantas mensabitkan tertuduh atas jenayah yang dilakukan. Kesimpulan yang dapat dibuat dalam kes-kes sebegini adalah setakat ini mahkamah-mahkamah di Malaysia, India

atau di negara-negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat mempunyai pendekatan yang sama iaitu sekiranya mayat tidak dijumpai, seseorang tertuduh itu masih boleh disabitkan atas jenayah yang dilakukan berdasarkan keterangan bersandarkan keadaan yang ada.

Rujukan

Blackstone's Criminal Practice 1991

Jal Zabidi Mohd Yusoff, Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, 2003

John A. Andrews & Michael Hirst, *Criminal Evidence*, Waterlow Publishers, London, 1987

Sudipto Sarkar & VR Manohar, *Sarkar on Evidence*, Volume 2, 14th Edition, India, 1993

Chris L. Ross, District Attorney, 22nd District, State of Oklahoma, Legal and Investigative Strategies for a "No Body" Homicide

Fair Trial and Corpus Delicti, Alok Kumar Verma, Uttarakhand Judicial & Legal Review

NMR Reference Number: CC72/00939

Katherine RUTAN a/k/a Katherine Pollard, Appellant v. STATE of Oklahoma, Appellee

Lejzor Teper v R [1952] AC 480

Mani Kumar Thapa v State of Sikkim AIR 2002 page 2920

Martin v Osborne (1936) C.A.R. 114

Neill-Fraser v Tasmania [2012] TASCCA 2

Nettie Brown v State 132 P.359 (Okla. Crim. App. 1913)

Prithipal Singh etc. Versus State of Punjab and another 2012 (1) C.C.S.C.186

Public Prosecutor v Sarjit Kaur a/p Najar Singh [1998] 1 MLJ 184

Rama Nandand Ors v State of Himachal Pradesh (1981) 1 SCC 511

Sunny Ang v Public Prosecutor [1966] 2 MLJ 195

United States v Gilbert 25 Fed. Cas. 1287 (1834)

[http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sabit-membunuh-walaupun-tiada-mayat-](http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sabit-membunuh-walaupun-tiada-mayat-1.494052)

1.494052 diekstrak pada 2 November 2017